

Headline **Keinginan Dayang**  
Date **16 Jun 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **31**  
Article Size **344 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,892**  
PRValue **5,676**



# Keinginan Dayang



bantuan komposer untuk lebih memahami maksud lagu itu," katanya.



**SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR**

**S**EPANJANG 12 tahun bergelar anak seni, penyanyi hitam manis, Dayang Nurfaizah telah tersenarai di antara artis yang kebal dari sebarang kontroversi. Sukar untuk mendengar kisah buruk

Headline **Keinginan Dayang**  
Date **16 Jun 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **31**  
Article Size **344 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,892**  
PRValue **5,676**

mengenai Dayang, apatah lagi gosip percintaannya dengan mana-mana lelaki.

Malah, sejak awal pembabitan dalam bidang hiburan, penyanyi yang digelar *Beyonce* Malaysia ini tidak pernah mengumumkan hatinya dimiliki seseorang.

Namun, apabila muncul dengan album terbaru berjudul *Sayang & Cahaya*, sarat dengan lirik cinta positif, timbul tanda tanya adakah Dayang kini dilamun cinta?

Dalam sidang media di Hard Rock Cafe baru-baru ini, penyanyi yang mencecah usia 30-an membuat pengakuan ikhlas tentang status dirinya.

"Sejujurnya saya masih solo dan tidak pernah melalui zaman percintaan dengan sesiapa pun.

"Keinginan itu ada tetapi saya sendiri tidak tahu bila, semuanya saya serahkan pada takdir," katanya.

Menurut anak kelahiran Sarawak walaupun tiada pengalaman bercinta, namun bukanlah penghalangnya untuknya menzahirkan perasaan dalam setiap lagu.

"Kalau hendak tulis lirik cinta memang saya akui belum bersedia kerana tiada inspirasi.

"Tetapi untuk menghayati nyanyian lagu berunsur cinta, saya akan berimajinasi sendiri selain mendapat

### ***Tingkat kesedaran***

BERCERITA mengenai album studio ketujuhnya yang telah dipasarkan sejak sebulan lalu, Dayang berkata, terdapat perbezaan berbanding album terdahulu.

"Album berkonsep R&B ini lebih 'dewasa' kerana saya terbabit sepenuhnya

dalam proses pembikinannya.

"Semua lagu dipilih mempunyai mesej

positif mengenai cinta kerana niat saya ingin memberikan inspirasi kepada peminat berkenaan cinta sejagat," katanya.

Memuatkan 12 lagu antaranya *Sayang*, *Sabarlah* dan *Hingga ke Akhirnya*, Dayang mendapat sentuhan komposer seperti Yasin, Afdlin Shauki, Omar K dan Audi Mok.

Lebih istimewa, Dayang yang juga selebriti *Riben Merah*, Majlis Aids Malaysia turut merakamkan lagu *Ku Temu Cahaya*, dicipta khas sebagai lagu tema Yayasan AIDS Malaysia.

Dayang dengan kerjasama Maybank Berhad juga akan mengadakan *showcase* istimewa, 2 Julai ini di Hardrock Cafe, di sini bagi mengutip dana untuk Majlis Aids Malaysia.

"Persembahan saya bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jangkitan HIV dan Aids terutama di kalangan remaja.

"Hasil jualan album *Sayang & Cahaya* dan minuman *mocktail* merah khas sempena *showcase* berkenaan akan disalurkan untuk membantu golongan tidak bernasib baik terutama pengidap HIV dan Aids," katanya yang akan menyampaikan 10 lagu diiringi *live band*.